

**KAREKTOR DAN ELEMEN RUANG PERSEKITARAN RUMAH MELAYU
TRADISI DI KELANTAN**



**INSTITUT PENGURUSAN PENYELIDIKAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM, SELANGOR
MALAYSIA**

DISEDIAKAN OLEH:

**MOHD NASURUDDIN HASBULLAH
DR. SITI NORLIZAIHA HARUN
AZIRA IBRAHIM**

OKTOBER 2010

Tarikh : 1 Oktober 2010
No Fail Projek : 600-KPK (PJI. 5/2/2/4) (16)

Penolong Naib Canselor (Penyelidikan)
Institut Pengurusan Penyelidikan (RMI)
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam

Ybhg. Prof.,

**LAPORAN AKHIR PENYELIDIKAN "KAREKTOR DAN ELEMEN RUANG
PERSEKITARAN RUMAH MELAYU TRADISI DI KELANTAN"**

Merujuk kepada perkara di atas, bersama-sama ini disertakan 3 (tiga) naskah Laporan Akhir Penyelidikan bertajuk 'Karektor dan Elemen Ruang Persekitaran Rumah Melayu Tradisi di Kelantan' oleh kumpulan penyelidik dari Fakulti Senibina Perancangan dan Ukur untuk makluman pihak puan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,


MOHD NASRUDDIN HASBULLAH
Ketua
Projek Penyelidikan

PENGHARGAAN

Alhamdulillah dan bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya laporan ini dapat disiapkan sepenuhnya.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada Institut Pengurusan Penyelidikan, Universiti Teknologi MARA yang telah membiayai geran penyelidikan ini. Ribuan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung bagi membolehkan penyelidikan ini disiapkan dengan sempurna.

Di antaranya :

Prof. Madya. Dr. Ismail Samsudin
Timbalan Pengarah Kampus (Penyelidikan dan Jaringan Industri), UiTM Perak

Sr. Dr. Md. Yusof Hamid
Ketua Koordinator Fakulti Senibina Perancangan dan Ukur, UiTM Perak

dan

Penduduk kampung , pelajar dan kenalan yang telah memberi kerjasama, sokongan dan nasihat didalam menjayakan penyelidikan ini.

ABSTRAK

Corak perkampungan Melayu tradisional terhasil melalui jalinan antara budaya dan alam semulajadi. Budaya mempunyai tafsiran yang luas dan bukan hanya dilihat pada perspektif adat dan tradisi masyarakat tetapi budaya yang nyata yang dizahirkan oleh masyarakat Melayu seperti kepakaran dan kesenian membina rumah. Selain rumah, masyarakat Melayu dapat menstruktur dan memilih unsur atau elemen yang melengkapkan kehidupan berumah seperti rumah bukan hanya perlu pada kelengkapan perabut dan perkakasan memasak tetapi rumah juga perlu ada kehidupan diluarnya. Maksud diluar ialah kawasan persekitaran rumah. Persekitaran rumah Melayu tradisi bagaikan ada peraturan tertentu yang tersirat. Ruang dan elemennya bagaikan diatur dan ada sebab tertentu penghuni menstrukturkannya. Penyelidikan Karektor dan Elemen Ruang Persekitaran Rumah Melayu Tradisi di Kelantan telah berjaya membina satu lagi cabang-cabang ilmu yang tersirat dalam masyarakat budaya Melayu. Melalui penyelidikan asas ini, nilai dan tradisi masyarakat telah dapat dipaparkan. Ia merupakan satu kebudayaan atau perilaku yang berlaku dalam skala geografi yang mungkin selama ini dilihat sebagai satu panorama landskap kampung sahaja. Penyelidikan ini memilih skop kawasan perkampungan darat di kawasan Lembah Kelantan. Kawasan ini mempunyai corak penempatan yang lebih bersruktur walaupun susunan rumah adalah bebas. Hasil daripada kajiselidik di tapak, didapati struktur ruang persekitaran rumah Melayu tradisi di perkampungan di Kelantan terbahagi kepada dua bahagian iaitu hadapan dan belakang. Sempadan kiri dan kanan kebiasaannya ruang sempit memanjang ke belakang. Bahagian hadapan rumah dikenali sebagai halaman atau laman. Ia merupakan kawasan ruang terbuka yang tidak dihalangi pandangan daripada jalan utama. Ciri-ciri yang umum yang dapat dilihat pada ruang persekitaran rumah Melayu ialah halaman tidak berumput, pokok buahan seperti rambutan atau mempelam ditanam dihalaman rumah, terdapat juga pangkin kayu tempat berehat dan telaga. Bahagian belakang rumah merupakan kawasan aktiviti penghuni dan sebahagiannya merupakan sumber ekonomi keluarga. Kawasan ini dibahagikan kepada beberapa struktur ruang iaitu kawasan kebun, kawasan dusun dan kawasan penternakan. Sumbangan penyelidikan ini dapat mengembangkan lagi ilmu berkaitan warisan tamadun Melayu yang bukan hanya dari segi seni bina tetapi cukup luas dari aspek pemilihan tapak rumah dan berkembang kepada sebuah struktur penempatan tradisional yang mempunyai nilai dan identiti budaya yang unik dan indah.

1.0 PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Reka bentuk rumah Melayu tradisi mempunyai seni bina yang unik. Pembinaan dan kerja pertukangan rumah Melayu tradisi dipengaruhi pelbagai aspek. Aspek fizikal dan spiritual boleh dianggap sebagai dua aspek yang bersepadu bagi menghasilkan sebuah objek karya manusia yang mempunyai makna, fungsi dan nilai. Selain seni bina, pemilihan tapak dan lokasi rumah juga mempengaruhi seni bina rumah Melayu tradisi. Ini menyumbang kepada aspek ketiga yang perlu dilihat dan diselidiki sebelum sebuah pembinaan dimulakan. Aspek ketiga ini ialah alam sekitar. Alam sekitar bukan hanya satu entiti seperti aspek fizikal tetapi ia merupakan satu sistem yang membantu menyalurkan ilham kepada masyarakat Melayu dahulu untuk memilih sumber-sumber yang ada dipersekitaran sebagai bahan membina rumah.

Corak kediaman masyarakat Melayu tradisi amat dipengaruhi faktor alam sekitar dan iklim. Kediaman masyarakat Melayu atau kampung mempunyai keunikan dan identiti yang tersendiri. Identiti yang tercipta dibentuk oleh karektor atau ciri-ciri yang terdapat dalam sesebuah kampung. Pelbagai karektor dapat dilihat seperti rumah Melayu atau rumah kampung yang dibuat dari kayu, sawah padi, pokok buah-buah, sungai, tali air dan sebagainya. Kampung Melayu tradisi ini samada kampung darat atau kampung nelayan mempunyai karektornya tersendiri. Penyelidikan seni bina dan corak kampung tradisi Melayu di Kelantan bertujuan merakam dan memetakan ciri dan karektor perkampungan Melayu tradisi. Skop penyelidikan ini akan lebih memokuskan kepada karektor persekitaran rumah Melayu tradisi berbanding melihat corak secara keseluruhan kampung tradisi.